

08 SEP 2001

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN KIM YONG NAM

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Dewan Perhimpunan Agung Republik Korea Kim Yong Nam sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara itu esok.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar perutusan serupa kepada Pengerusi Suruhanjaya Pertahanan Kebangsaan republik itu Kim Jong-il.

Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana hubungan mesra yang terjalin antara kedua-dua negara semakin kukuh.

"Pemimpin kita saling komited untuk menjalin hubungan lebih rapat dan ini terbukti dengan lawatan Menteri Luar kami ke negara anda pada Jun tahun ini," katanya.

Dr Mahathir juga yakin republik itu akan terus berusaha bagi mengekalkan keamanan dan kebebasan dan menikmati lebih banyak pembangunan dan kemajuan dalam semua bidang.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut menghantar perutusan tahniah kepada rakan sejawatannya Paek Nam Sun.

-- BERNAMA
MUN KHY RHM